

Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan

Orang Kaya, Orang Miskin



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: M. Maillot, Lazarus
Alastair Paterson

Disadur oleh: M. Maillot, Sarah S.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2024 Bible for Children, Inc.
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.


1

Yesus tahu ramai pemimpin agama lebih mencintai wang daripada Tuhan. Dia memberitahu apa yang berlaku kepada dua orang, dan mengapa tiada gunanya mempunyai kekayaan tanpa Tuhan. Kekayaan tidak dapat membeli kehidupan bersama Tuhan di Syurga.



2

Terdapat seorang lelaki kaya yang mempunyai pakaian yang cantik dan mewah. Dia berpakaian seperti seorang raja.




3

Orang kaya itu juga makan dengan mewah. Setiap hidangan yang dimakannya seperti pesta besar. Dia begitu kaya sehingga dia boleh makan apa sahaja untuk makan pagi, siang dan malam mahupun makanan ringan apa sahaja.



4

Di pagar dari rumah orang kaya itu terletak seorang pengemis miskin, sakit dan lapar. Namanya Lazarus.



5

Badan Lazarus yang malang penuh dengan kudis. Dan dipenuhi dengan luka dan lebam kerana sikap orang lain yang jahat kepadanya. Mungkin dia mengalami kudis kerana dia tidak mempunyai makanan yang baik seperti susu, sayur-sayuran atau daging.



6

Lazarus hanya ingin makan. Dia akan senang hanya dengan serpihan makanan dari meja orang kaya itu.




7

Anjing liar kadang-kadang mendekati pengemis miskin yang tidak berdaya itu. Mereka menghidu di sekelilingnya dan menjilat lukanya. Nampaknya tiada siapa yang peduli bahawa Lazarus sedang kelaparan.



8

Suatu pagi, Lazarus tidak bangun dari tidurnya. Pengemis yang miskin dan tanpa teman itu menghembus nafas terakhirnya. Lazarus meninggal dunia.



9

Lazarus memulakan saat kegembiraannya saat dia mati. Yesus berkata malaikat membawanya untuk bersama Abraham. Lazarus dihiburkan oleh Tuhan.



10

Orang kaya itu juga mati. Semua wangnya tidak dapat menyelamatkan nyawanya. Apabila kematian datang, tiada siapa dapat menghalangnya.



11

Orang kaya dikuburkan. Walaupun majelis pengembumiannya besar dan ramai memuji orang kaya itu kaya dan berjaya, Tetapi pujian mereka tidak membantunya. Orang kaya itu berada di Neraka.




12

Di Neraka, orang kaya itu berseru, "Bapa Abraham, suruhlah Lazarus supaya dia mencelupkan hujung jarinya ke dalam air dan menyejukkan lidahku, kerana aku tersiksa dalam api ini."




13

"Dalam hidupmu kau mempunyai segala-galanya dan Lazarus tidak mempunyai apa-apa," Abraham mengingatkan orang kaya itu. "Sekarang Lazarus telah dihiburkan dan kamu disiksa. Tiada siapa yang dapat menyeberangi jurang yang besar antara kamu dan kami."



14

"Suruhlah Lazarus untuk memberi amaran kepada lima saudaraku," orang kaya itu memohon. "Saya tidak mahu mereka berakhir di tempat seksaan ini."



15

"Saudara-saudaramu mempunyai Firman Tuhan," jawab Abraham. Jika lima bersaudara itu tidak mempercayai Alkitab, mereka tidak akan percaya jika Lazarus bangkit daripada kematian.



16

Apabila Yesus selesai menceritakan kisah orang kaya dan Lazarus, mungkin para pemimpin agama bertanya kepada diri mereka sendiri, "Adakah saya mengasihi kekayaan lebih daripada saya mengasihi 'Tuhan?'" Sekarang mereka tahu apa yang akan terjadi jika mereka tidak mengindahkan Firman Tuhan.



17

Orang Kaya, Orang Miskin

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,
terdapat dalam

Lukas 16

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

18

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

20

TAMAT

